

MIC-IPF Bakal Bergabung?
Bernama
26 Mei, 2013
Oleh Prem Kumar Panjamorthy

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Demi keutuhan politik dan mengekalkan kedudukan sebagai suara tunggal kaum India Malaysia, Kongres India Malaysia (MIC) dikatakan sedang menimbangankan penggabungan dengan Barisan Kemajuan India Malaysia (IPF).

Menurut sumber dalaman parti, MIC dijangka membuka langkah pertama untuk mendekati IPF, penyokong kuat Barisan Nasional (BN), bagi tujuan penggabungan, selepas cubaan serupa sebelum ini gagal.

Pada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC pada Hari Wesak Jumaat lepas, Presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel telah memberi isyarat membayangkan hasrat beliau untuk berbincang dengan rakan sejawat IPF, Datuk M. Sambanthan.

Untuk memancing IPF menyertai MIC, Palanivel juga dijangka bakal menawarkan kerusi senator kuota MIC kepada Sambanthan, sebagai pengiktirafan terhadap khidmat dan sokongan diberikan parti berusia 23 tahun itu kepada BN.

"Hasrat itu ialah bagi kedua-dua parti kekal sebagai suara tunggal kaum India Malaysia. MIC dan IPF telah menjalin hubungan baik sejak sekian lama," menurut sumber itu, veteran MIC berusia 67 tahun.

IPF telah menggesa BN untuk menerima parti kaum India itu sebagai anggota komponen, berdasarkan sokongan padu diberikan selama ini kepada gabungan itu, dan juga telah banyak membantu dalam menyelesaikan pelbagai masalah.

MIC merupakan wakil tunggal parti kaum India dalam BN ketika ini.

Cadangan penggabungan MIC-IPF pernah timbul dua kali sebelum ini iaitu semasa di bawah kepimpinan bekas Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

IPF sentiasa dianggap sebagai 'parti adik' kepada MIC ekoran presiden pertamanya mendiang Tan Sri M.G. Pandithan adalah bekas Naib Presiden MIC, sebelum beliau dipecat pada 1988 kerana mengkritik pemimpin parti ketika itu Samy Vellu.

Dua tahun kemudian, bersama-sama dengan ribuan anggota MIC yang keluar parti, Pandithan menubuhkan IPF dan telah menjadi penyokong kuat BN sejak itu.

Atas sumbangan parti kepada BN, Pandithan dilantik sebagai senator pada 1995 oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, selepas kematiannya pada Mei 2008, tiada lagi pemimpin IPF dilantik ke jawatan itu dalam kerajaan.

Oleh yang demikian, Sambanthan, yang merupakan anak didik Pandithan, mungkin tertarik untuk "menduduki kerusi senator MIC" untuk mewakili IPF dalam kerajaan dan secara langsung dapat memperkukuhkan kedudukan dan imej parti.

MIC mempunyai lebih 500,000 anggota, dengan lebih 3,700 cawangan manakala IPF

mempunyai 135,000 anggota.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=952070>